



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

GARIS PANDUAN

PENGURUSAN & PENYEDIAAN DOKUMEN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN PENSYARAH POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

**BAHAGIAN INSTRUKSIONAL DAN PEMBELAJARAN DIGITAL
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI**

EDISI 2025

PRAKATA

Assalamualaikum WBT.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi syukur dipanjatkan ke hadirat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital berjaya menerbitkan Garis Panduan Pengurusan & Penyediaan Dokumen Pembelajaran dan Pengajaran Pensyarah Politeknik dan Kolej Komuniti Edisi 2025.

Garis panduan ini merupakan usaha untuk memberikan panduan dan sokongan kepada pensyarah di politeknik dan kolej komuniti dalam mengurus serta menyediakan dokumen yang berkaitan dengan proses PdP secara lebih terstruktur dan berkesan. Peranan pensyarah dalam memastikan kualiti pendidikan yang tinggi di institusi adalah amat penting. Oleh itu, pengurusan dan penyediaan dokumen PdP bukan sahaja memerlukan kemahiran profesional tetapi juga kefahaman yang mendalam mengenai sistem dan proses yang perlu dipatuhi. Garis panduan ini hadir untuk memberi panduan yang jelas dalam aspek penyediaan dokumen yang relevan.

Semoga garis panduan ini memberi manfaat kepada semua pensyarah, serta menjadi sumber rujukan yang berguna dalam usaha mempertingkatkan kualiti pendidikan yang disampaikan di politeknik dan kolej komuniti. Tidak lupa juga, penghargaan saya kepada semua pihak yang terlibat dalam penyediaan buku ini, dengan telah memberikan sokongan dan kerjasama dalam menjayakan penerbitan ini. Akhir kata, semoga garis panduan ini dapat memberikan impak yang positif oleh semua pihak yang berkenaan dalam usaha kita meningkatkan kualiti sistem pendidikan di politeknik dan kolej komuniti.

Sekian, terima kasih.

PENGARAH

**BAHAGIAN INSTRUKSIONAL DAN PEMBELAJARAN DIGITAL
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

DISEMBER 2024

ISI KANDUNGAN

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
	ISI KANDUNGAN	2
	SENARAI SINGKATAN	3
	GLOSARI	4 – 9
1.0	PENDAHULUAN	10 – 12
	1.1 Latar Belakang	11
	1.2 Tujuan	12
	1.3 Skop	12
2.0	PENYEDIAAN FAIL REKOD PENSYARAH (FRP)	13 – 44
	2.1 Tujuan Penyediaan FRP	14
	2.2 Peranan dan Tanggungjawab	15 – 19
	2.3 Kandungan FRP	19 – 44
3.0	PENYEDIAAN FAIL PENYELARAS KURSUS (FPK)	45 – 58
	3.1 Tujuan Penyediaan FPK	46
	3.2 Peranan dan Tanggungjawab	46 – 48
	3.3 Kandungan FPK	48 – 58
4.0	PENYEDIAAN FAIL REKOD KURSUS WORK BASED LEARNING (FRK-WBL)	59 – 80
	4.1 Tujuan Penyediaan FRK-WBL	60
	4.2 Peranan dan Tanggungjawab	60 – 62
	4.3 Kandungan FRK-WBL	62 – 80
5.0	PENUTUP	82
6.0	RUJUKAN	84
7.0	JAWATANKUASA PEMBANGUNAN	86

SENARAI SINGKATAN

SINGKATAN	MAKSUD
PdP	Pembelajaran dan Pengajaran
CO	Rangka Kursus (<i>Course Outline</i>)
RM	Rancangan Mengajar
PLO	Hasil Pembelajaran Program (<i>Programme Learning Outcomes</i>)
CLO	Hasil Pembelajaran Kursus (<i>Course Learning Outcomes</i>)
CA	Pentaksiran Berterusan (<i>Continuous Assessment</i>)
FE	Peperiksaan Akhir (<i>Final Examination</i>)
FA	Penilaian Akhir (<i>Final Assessment</i>)
CORR	Laporan Semakan Hasil Pembelajaran Kursus (<i>Course Outcome Review Report</i>)
CQI	Penambahbaikan Kualiti Berterusan (<i>Continual Quality Improvement</i>)
FRP	Fail Rekod Pensyarah
FPK	Fail Penyelaras Kursus
TP(A)	Timbalan Pengarah (Akademik)
TP	Timbalan Pengarah
KJ	Ketua Jabatan
KPro	Ketua Program
KUPA	Ketua Unit Pengajian Am
KK	Ketua Kursus
PPQ	Pegawai Pengurusan Kualiti
PQJ	Penyelaras Kualiti Jabatan
PK	Penyelaras Kursus
PJW/PJWJ	Penyelaras Jadual Waktu / Penyelaras Jadual Waktu Jabatan

1. **Pembelajaran dan Pengajaran - PdP**

Pembelajaran dan Pengajaran (PdP) merujuk kepada proses yang melibatkan dua elemen utama, iaitu penyampaian ilmu oleh pensyarah dan penerimaan ilmu oleh pelajar atau peserta, di samping interaksi aktif antara kedua-duanya. Proses ini bertujuan untuk membantu pelajar atau peserta memperoleh dan menguasai ilmu pengetahuan atau kemahiran yang diajarkan melalui pelbagai kaedah dan pendekatan pengajaran.

2. **Rangka Kursus (Course Outline) - CO**

Rangka Kursus (Course Outline, CO) merujuk kepada dokumen rasmi yang menyediakan maklumat asas mengenai struktur dan kandungan sesuatu kursus. CO berfungsi sebagai panduan yang diberikan kepada pelajar atau peserta Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) untuk memberi mereka gambaran keseluruhan tentang kursus yang mereka ikuti sepanjang satu semester. Ia mengandungi perancangan dan butiran penting yang akan membantu pelajar memahami objektif, topik, serta kaedah penilaian yang akan digunakan dalam kursus tersebut.

3. **Rancangan Mengajar - RM**

Rancangan Mengajar (RM) merujuk kepada rangka kerja yang disediakan oleh pensyarah untuk merancang aktiviti pembelajaran dan pengajaran yang akan dijalankan dalam bilik kuliah atau makmal bagi satu jangka masa tertentu. Rancangan ini adalah penting untuk memastikan setiap sesi pengajaran dilaksanakan dengan teratur, sistematik, dan memenuhi objektif pembelajaran yang ditetapkan.

4. Hasil Pembelajaran Program (Programme Learning Outcomes) - PLO

PLO adalah pernyataan yang menjelaskan hasil-hasil pembelajaran yang merangkumi pengetahuan, kemahiran, sikap, dan kebolehan secara khusus dan umum yang harus ditunjukkan oleh graduan setelah tamat pengajian. Graduan dijangka dapat menguasai hasil pembelajaran ini apabila berjaya menyelesaikan semua kursus dalam program mereka.

5. Hasil Pembelajaran Kursus (Course Learning Outcomes) - CLO

CLO adalah pernyataan yang menjelaskan ilmu pengetahuan, kemahiran, sikap, dan kebolehan secara khusus dan umum yang harus dikuasai oleh pelajar pada akhir kursus.

6. Modul iFRP

Modul iFRP adalah *platform* di mana semua maklumat aktiviti PdP disimpan secara lengkap dalam Sistem Pengurusan Maklumat Politeknik (SPMP) dan boleh diakses melalui dalam talian.

7. Modul Dokumen PdP

Modul Dokumen PdP adalah *platform* di mana semua maklumat aktiviti PdP disimpan secara lengkap dalam *Community College Management System (CCMS)* dan boleh diakses melalui melalui dalam talian.

8. Penilaian Formatif

Penilaian Formatif adalah penilaian yang dilakukan secara berterusan sepanjang kursus atau proses pembelajaran untuk memantau kemajuan pelajar. Tujuan utama penilaian ini adalah untuk memberikan maklum balas segera kepada pelajar mengenai prestasi mereka, serta untuk membantu memperbaiki pemahaman dan kemahiran mereka semasa pembelajaran berlangsung, bukan hanya menilai prestasi akhir.

9. Penilaian Sumatif

Penilaian sumatif adalah penilaian formal yang dilakukan pada akhir pembelajaran. Ia bertujuan untuk mengesan tahap pencapaian pelajar dan digunakan untuk memberikan gred kursus kepada pelajar. Kaedah pengukurannya boleh berbentuk ujian objektif, esei, dan lain-lain.

10. Pentaksiran Berterusan (Continuous Assessment) - CA

CA adalah penilaian secara berterusan, biasanya dalam bentuk penilaian sumatif, yang diberikan kepada pelajar sepanjang kursus/semester. Penilaian ini digunakan untuk penggredan pencapaian pelajar dalam kursus berkenaan. Pentaksiran ini boleh dilaksanakan dalam bentuk ujian, kuiz, tugas, projek, laporan, dan amali.

11. Peperiksaan Akhir (Final Examination) - FE

FE adalah peperiksaan yang diadakan pada setiap akhir semester untuk mengukur pencapaian hasil pembelajaran pelajar.

12. Penilaian Akhir (Final Assessment) - FA

FA adalah penilaian yang diadakan pada akhir sesuatu kursus untuk mengukur pencapaian hasil pembelajaran pelajar. Kursus yang mempunyai FA tidak diukur melalui FE. Pentaksiran ini boleh dilaksanakan dalam bentuk ujian, kuiz, tugas, projek, laporan, dan amali.

13. Laporan Semakan Hasil Pembelajaran Kursus (Course Outcome Review Report) - CORR

CORR adalah laporan penilaian terhadap CLO bagi setiap kursus. Pensyarah akan mengisi maklumat yang diperlukan dalam sistem pengurusan maklumat bagi menganalisis pencapaian pelajar, sama ada mencapai sasaran yang telah ditetapkan atau tidak.

14. Penambahbaikan Kualiti Berterusan (Continual Quality Improvement) - CQI

CQI adalah proses yang dilaksanakan secara berterusan dengan tujuan untuk meningkatkan kualiti dalam sesuatu perkara atau amalan. Ia melibatkan usaha untuk mengenal pasti, menilai, dan memperbaiki aspek-aspek yang boleh ditambah baik, dengan mengambil kira semua faktor penyumbang yang boleh mempengaruhi hasil atau proses tersebut. Proses CQI ini melibatkan siklus perancangan, pelaksanaan, penilaian, dan penambahbaikan, dan dilakukan secara berulang untuk memastikan peningkatan kualiti yang berterusan.

15. Fail Rekod Pensyarah - FRP

Fail Rekod Pensyarah (FRP) merujuk kepada fail yang disediakan oleh pensyarah untuk menyimpan semua dokumen dan rekod yang berkaitan dengan pelaksanaan Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Rekod-rekod ini boleh disimpan dalam bentuk fizikal (seperti dokumen bercetak) atau digital (seperti fail elektronik atau dalam sistem pengurusan pembelajaran).

16. Fail Penyelaras Kursus - FPK

Fail Rekod Pensyarah (FRP) merujuk kepada fail yang disediakan oleh pensyarah untuk menyimpan semua dokumen dan rekod yang berkaitan dengan pelaksanaan Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). Rekod-rekod ini boleh disimpan dalam bentuk fizikal (seperti dokumen bercetak) atau digital (seperti fail elektronik atau dalam sistem pengurusan pembelajaran).

17. Timbalan Pengarah (Akademik) - TP(A) / Timbalan Pengarah -TP

TP(A)/TP merupakan pegawai yang dilantik untuk bertanggungjawab dalam pengurusan dan pentadbiran akademik di institusi.

18. Ketua Jabatan - KJ

KJ merupakan pegawai yang dilantik untuk melaksanakan tugas pengurusan dan pentadbiran di jabatan yang dipertanggungjawabkan kepadanya dalam sesebuah institusi.

19. Ketua Program - KPro

KPro merupakan pegawai yang dilantik untuk mengurus dan menyelaraskan pelaksanaan aktiviti akademik bagi program pengajian yang dipertanggungjawabkan kepadanya.

20. Ketua Unit Pengajian Am - KUPA

KUPA merupakan pegawai yang dilantik untuk mengurus dan menyelaraskan pelaksanaan aktiviti akademik bagi kursus umum dan teras umum yang dipertanggungjawabkan kepadanya.

21. Ketua Kursus - KK

KK merupakan pegawai yang dilantik untuk mengurus dan menyelaraskan pelaksanaan aktiviti akademik bagi kursus yang dipertanggungjawabkan kepadanya.

22. Pegawai Pengurusan Kualiti - PPQ

PPQ merupakan pegawai yang dilantik untuk mengurus dan menyelaraskan aktiviti sistem pengurusan kualiti (SPK) yang dipertanggungjawabkan kepadanya.

23. Penyelaras Kualiti Jabatan - PQJ

PQJ merupakan pegawai yang dilantik untuk membantu KJ menyelaraskan aktiviti sistem pengurusan kualiti di jabatan/unit.

24. Penyelaras Kursus - PK

PK merupakan pegawai yang dilantik untuk mengetuai dan menyelaraskan pelaksanaan aktiviti PdP yang berkaitan dengan kursus yang dipertanggungjawabkan kepadanya.

25. Penyelaras Jadual Waktu / Penyelaras Jadual Waktu Jabatan –

PJW/PJWJ

PJW/PJWJ merupakan pegawai yang dilantik untuk menyediakan dan mentadbir jadual waktu selaras dengan ketetapan yang diatur oleh KJ/KPro/KK.

PENDAHULUAN

1.0 PENDAHULUAN

1.1 LATAR BELAKANG

Proses pembelajaran dan pengajaran merupakan proses utama di dalam sebuah institusi pendidikan. Sehubungan itu, bagi tujuan pemantauan kualiti dan penambahbaikan berterusan, rekod bagi proses pembelajaran dan pengajaran (PdP) perlu sentiasa dikemas kini dan disimpan.

Maklumat PdP yang direkodkan perlu mematuhi dasar, polisi, garis panduan, surat pekeliling, dan arahan yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) serta keperluan badan akreditasi di samping memenuhi ketetapan sistem pengurusan kualiti (SPK) institusi.

Garis panduan ini dibangunkan adalah untuk menjadi rujukan bagi semua pensyarah di politeknik dan kolej komuniti dalam menyediakan dan menyenggara semua rekod kualiti yang berkaitan dengan proses PdP yang dilaksanakan setiap sesi pengajian.

Pelaksanaan proses PdP yang mengikuti GP ini akan dapat memastikan keselarasan dan keseragaman pengurusan dokumen PdP dalam kalangan pensyarah di politeknik dan kolej komuniti. Garis panduan ini merangkumi aspek penyediaan dokumen Fail Rekod Pensyarah (FRP), penyediaan Fail Penyelaras Kursus (FPK) dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan dengan proses PdP.

1.2 TUJUAN

Garis panduan ini dapat membantu pengurusan akademik institusi dalam:

- 1.2.1 Memantau dan menilai keberkesanan pelaksanaan aktiviti (PdP) dengan mengambil kira aspek perancangan, pelaksanaan dan penilaian yang terlibat dalam setiap aktiviti.
- 1.2.2 Mengekalkan penjaminan kualiti program pengajian dengan memastikan proses PdP dipantau secara berterusan, ditingkatkan dari semasa ke semasa dan sentiasa sejajar dengan keperluan yang ditetapkan bagi memastikan pencapaian hasil pembelajaran yang telah dirancang.

1.3 SKOP

Skop garis panduan ini adalah untuk memberi panduan dan tatacara yang jelas mengenai penyediaan dan pengurusan dokumen yang berkaitan dengan aktiviti PdP oleh pensyarah di politeknik dan kolej komuniti. Garis panduan ini meliputi, tetapi tidak terhad kepada, aspek-aspek berikut:

- 1.3.1 Penyediaan FRP
- 1.3.2 Penyediaan FPK
- 1.3.3 Penyediaan FRK-WBL

**PENYEDIAAN
FAIL REKOD
PENSYARAH (FRP)**


2.0 PENYEDIAAN FAIL REKOD PENSYARAH (FRP)

2.1 TUJUAN PENYEDIAAN FRP

- 2.1.1 Membantu pensyarah merancang dan melaksanakan aktiviti PdP secara sistematik dan teratur dengan memastikan semua aspek pengajaran termasuk objektif pembelajaran, bahan bantu mengajar, dan kaedah penilaian, dirancang dengan teliti sebelum, semasa dan selepas sesi pembelajaran.
- 2.1.2 Memastikan pensyarah mengurus dan menyimpan semua dokumen serta rekod yang berkaitan dengan pelaksanaan aktiviti PdP untuk memudahkan pemantauan, penilaian dan penambahbaikan.
- 2.1.3 Menjamin ketelusan dan konsistensi dalam pelaksanaan PdP di kalangan pensyarah di mana semua aktiviti PdP dicatatkan dengan jelas untuk tujuan pemantauan oleh pihak pengurusan akademik dan pemerhatian panel badan akreditasi.
- 2.1.4 Membantu dalam proses jaminan kualiti dan penambahbaikan berterusan melalui penilaian berkala terhadap pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang dicatatkan dalam FRP.
- 2.1.5 Memudahkan pensyarah untuk menyediakan dokumentasi dan laporan yang diperlukan untuk keperluan audit kualiti atau penilaian oleh pihak pengurusan atau panel badan akreditasi.

2.2 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

Terdapat beberapa pihak yang terlibat dalam proses pengurusan FRP. Setiap pihak memainkan peranan yang penting dalam memastikan pelaksanaan aktiviti PdP berjalan dengan lancar dan semua dokumen yang berkaitan dengan proses tersebut disediakan dan dikemas kini mengikut keperluan yang ditetapkan. Berikut adalah peranan dan tanggungjawab pihak-pihak yang terlibat dalam pengurusan FRP :



Rajah 1 : Hirarki peranan dan tanggungjawab pihak (politeknik) yang terlibat dalam proses pengurusan FRP



Rajah 2 : Hirarki peranan dan tanggungjawab pihak (kolej komuniti) yang terlibat dalam proses pengurusan FRP

2.2.1 Timbalan Pengarah (Akademik)/Timbalan Pengarah

TP (A)/TP bertanggungjawab memastikan kelancaran pengurusan FRP di peringkat institusi. Tanggungjawab TP(A)/TP termasuk:

- i. Memastikan semua dokumen perancangan aktiviti PdP dalam FRP KJ, KPro dan KUPA yang terlibat dengan pelaksanaan PdP disediakan sebelum semester bermula.
- ii. Menyemak semua dokumen pelaksanaan aktiviti PdP dalam FRP KJ, KPro dan KUPA di bawah seliaannya, serta memastikan dokumen tersebut dikemaskini sebanyak dua kali setiap semester.
- iii. Memastikan KJ/KPro/KUPA di bawah seliaannya, telah melengkapkan FRP dan menutupnya pada setiap akhir semester.

2.2.2 Ketua Jabatan

KJ bertanggungjawab untuk memastikan pengurusan FRP di peringkat jabatan dilaksanakan dengan betul dan mengikut prosedur yang ditetapkan. Tanggungjawab KJ termasuk:

- i. Memastikan semua dokumen perancangan aktiviti PdP dalam FRP KPro/KK yang terlibat di bawah jabatan seliaannya disediakan dengan lengkap sebelum semester bermula.
- ii. Menyemak dan memastikan semua dokumen pelaksanaan aktiviti PdP dalam FRP KPro/KK di bawah jabatan seliaannya dikemas kini dengan betul dan lengkap sebanyak dua kali setiap semester.
- iii. Memastikan KPro/KK di bawah jabatan seliaannya melengkapkan FRP dan menutupnya pada setiap akhir semester.

2.2.3 Ketua Program/Ketua Unit Pengajian Am/Ketua Kursus

KPro/KUPA/KK bertanggungjawab untuk menyelaras pengurusan FRP di peringkat program, unit, dan kursus. Tanggungjawab KPro/ KUPA/ KK termasuk:

- i. Memastikan semua dokumen perancangan aktiviti PdP dalam FRP bagi pensyarah di bawah seliaan mereka disediakan dengan lengkap dan tepat sebelum semester bermula.
- ii. Menyemak semua dokumen pelaksanaan aktiviti PdP dalam FRP program/kursus di bawah seliaannya dikemaskini dengan betul dan lengkap sebanyak dua kali setiap semester.
- iii. Memastikan pensyarah kursus (semua gred) di bawah seliaannya, melengkapkan FRP dan menutupnya pada setiap akhir semester.

2.2.4 Pensyarah (Induk dan Pembantu)

Pelaksanaan PdP bagi sesuatu kursus, sama ada secara teori atau amali, boleh dikendalikan oleh seorang pensyarah atau lebih secara bersama dalam masa yang ditetapkan dalam jadual waktu. Penetapan bilangan pensyarah pembantu bergantung kepada keperluan standard program pengajian berkenaan. Berikut adalah peranan dan tanggungjawab bagi pensyarah (Induk dan pembantu) pembantu secara kerjasama:

- i. Menyediakan dokumen perancangan aktiviti PdP dalam FRP masing-masing sebelum semester bermula.
- ii. Mengemaskini dokumen pelaksanaan aktiviti PdP secara berkala dalam FRP sepanjang semester.
- iii. Melengkapkan dan menutup FRP pada setiap akhir semester.

2.2.5 Pegawai Pengurusan Kualiti

PPQ bertanggungjawab untuk menyelaraskan pelbagai dokumen dan maklumat yang berkaitan dengan kurikulum, takwim akademik, serta penyediaan dan pengemaskinian rekod kualiti. Tanggungjawab PPQ adalah seperti berikut:

- i. Mengemaskini dan mengedarkan kalendar akademik program pengajian politeknik dan kolej komuniti dan takwim PdP institusi kepada pegawai pengurusan akademik dan pensyarah yang terlibat dengan pelaksanaan PdP sebelum semester bermula.
- ii. Menguruskan dokumen kurikulum (maklumat program dan maklumat kursus) dari segi kawalan dan pengedaran kepada pegawai pengurusan akademik dan pensyarah yang terlibat dengan pelaksanaan PdP sebelum semester bermula.
- iii. Menguruskan dan mengemaskini dokumen kurikulum (maklumat program dan maklumat kursus) dari segi kawalan dan pengedaran kepada pegawai pengurusan akademik dan pensyarah yang terlibat dengan pelaksanaan PdP dari semasa ke semasa.
- iv. Mengemaskini maklumat keperluan penyediaan dokumen FRP dan FPK dari semasa ke semasa, serta memaklumkan kepada pegawai pengurusan akademik dan pensyarah yang terlibat dengan pelaksanaan PdP.
- v. Menyediakan laporan berkaitan pematuhan, pencapaian, atau prestasi pelaksanaan sistem pengurusan kualiti apabila diperlukan.

2.2.6 Penyelaras Jadual Waktu / Penyelaras Jadual Waktu Jabatan

PJW/PJWJ bertanggungjawab menyediakan dan mengedarkan jadual waktu kepada pensyarah yang terlibat dengan pelaksanaan PdP selewat-lewatnya satu minggu sebelum sesi pengajian bermula.

2.2.7 Penyelaras Kursus

PK bertanggungjawab menyelaras dokumen PdP kursus. Tanggungjawab PPQ adalah seperti berikut:

- i. Menyediakan Rancangan Mengajar, *Course Outline*, dan Jadual Spesifikasi Item Pentaksiran Berterusan (JSU-PB) bagi setiap kursus yang dipertanggungjawabkan kepadanya.
- ii. Mengemaskini dan bertanggungjawab terhadap FPK.
- iii. Menyelaraskan pelaksanaan aktiviti penilaian berterusan sekiranya terdapat lebih dari seorang pensyarah yang mengajar kursus berkenaan.

2.3 KANDUNGAN FRP

FRP mengandungi dokumen yang berkaitan dengan perancangan dan pelaksanaan aktiviti PdP. Semua dokumen perlu mengikut format yang dinyatakan dalam borang senarai semak FRP yang disediakan oleh PPQ (Rujuk **Lampiran 1: Borang Senarai Semak FRP**).

Borang senarai semak FRP digunakan oleh TP(A)/TP/KJ/KPro/KUPA/KK untuk menyemak status pengemaskinian dokumen yang berkaitan, sama ada lengkap atau tidak lengkap.

Lampiran 1

BORANG SENARAI SEMAK FAIL REKOD PENSYARAH (FRP)

INDEKS	PERKARA		TANDAKAN (/)	TANDAKAN (L/TL)	
			Pensyarah	L= Lengkap TL=TidakLengkap Ditanda oleh Penyemak (TP(A)/TAPI/KJ/KPro/KUPA/KK)	
1	Borang Pengesahan Semakan Fail Rekod Pensyarah				
2	Maklumat Perancangan Akademik				
	i.	Kalendar Akademik			
	ii.	Takwim PdP Institusi			
3	Jadual Waktu Pensyarah				
4	Maklumat Program				
	i.	Maklumat Program A			
	ii.	Maklumat Program B			
5	Maklumat Kursus dan dokumen yang berkaitan (Kursus A)				
	i.	Maklumat Kursus			
	ii.	Rancangan Mengajar			
	iii.	Rekod Kehadiran Pelajar			
	iv.	Dokumen Ketidakhadiran Pelajar a) Surat Peringatan Ketidakhadiran b) Borang Pemantauan Kehadiran c) Surat Tunjuk Sebab Ketidakhadiran			
	v.	Jadual Kerja Bengkel/Makmal/Kerja Luar			
6	Maklumat Kursus dan dokumen yang berkaitan (Kursus B)				
	i.	Maklumat Kursus			
	ii.	Rancangan Mengajar			
	iii.	Rekod Kehadiran Pelajar			
	iv.	Dokumen Ketidakhadiran Pelajar a) Surat Peringatan Ketidakhadiran b) Borang Pemantauan Kehadiran c) Surat Tunjuk Sebab Ketidakhadiran			
	v.	Jadual Kerja Bengkel/Makmal/Kerja Luar			
7	Maklumat Kursus dan dokumen yang berkaitan (Kursus C)				
	i.	Maklumat Kursus			
	ii.	Rancangan Mengajar			
	iii.	Rekod Kehadiran Pelajar			
	iv.	Dokumen Ketidakhadiran Pelajar a) Surat Peringatan Ketidakhadiran b) Borang Pemantauan Kehadiran c) Surat Tunjuk Sebab Ketidakhadiran			
	v.	Jadual Kerja Bengkel/Makmal/Kerja Luar			

2.3.1 Borang Pengesahan Semakan FRP

Format borang pengesahan semakan FRP disediakan oleh PPQ (Rujuk **Lampiran 2: Borang Pengesahan Semakan FRP**).

Borang Pengesahan Semakan FRP digunakan oleh TP(A)/TP/KJ/KPro/KUPA/KK untuk menyemak pelaksanaan aktiviti PdP serta status pengemaskinian rekod aktiviti PdP mengikut tarikh semakan FRP yang telah ditetapkan.

Maklumat TEMPOH yang perlu diisi dalam borang pengesahan semakan FRP merujuk kepada tarikh mula dan tarikh akhir bagi sesi pengajian semasa.

Semakan FRP perlu dilaksana dua kali setiap semester. Ketetapan semakan adalah seperti berikut:

i. Semakan Pertama

FRP perlu disemak selewat-lewatnya pada minggu kuliah ke-8.

ii. Semakan Kedua

FRP perlu disemak pada seminggu selepas keputusan peperiksaan rasmi keluar.

Lampiran 2

BORANG PENGESAHAN SEMAKAN FAIL REKOD PENSYARAH (FRP)

POLITEKNIK / KOLEJ KOMUNITI XXX
BORANG PENGESAHAN SEMAKAN FAIL REKOD PENSYARAH
(DIISI OLEH TP(A)/TP/KJ/KPro/KUPA/KK)

NAMA PENSYARAH :
JABATAN/PROGRAM :
SESI :
TEMPOH :

BIL	TARIKH SEMAKAN	NAMA PENYEMAK	CATATAN
SEMAKAN PERTAMA			
1			
SEMAKAN KEDUA			
2			

2.3.2 Maklumat Perancangan Akademik

Maklumat perancangan akademik merangkumi Kalendar Akademik dan Takwim PdP Institusi. Dua maklumat ini diperlukan sebagai rujukan oleh pengurusan akademik untuk merancang dan menetapkan tarikh serta aktiviti-aktiviti PdP di institusi. Ia juga digunakan sebagai panduan kepada pensyarah dalam pelaksanaan PdP sepanjang semester/tahun.

i. Kalendar Akademik

Kalendar Akademik merujuk kepada Kalendar Akademik Program Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti yang diedarkan oleh JPPKK (Rujuk Lampiran 3: Kalendar Akademik).

ii. Takwim PdP Institusi

Takwim PdP Institusi merujuk kepada takwim PdP yang disediakan di peringkat politeknik dan kolej komuniti (Rujuk Lampiran 4: Takwim PdP Institusi). Takwim PdP Institusi ini perlu disediakan sebelum sesi baharu bermula.

KALENDAR AKADEMIK

INSTITUSI / TARIKH		BIL. MINGGU	AKTIVITI	CATATAN	LATIHAN INDUSTRI (LI) / WORK BASED LEARNING (WBL)
*INSTITUSI A	*INSTITUSI B				
SESI I : 2024/2025					
28/07/24 - 03/08/24	29/07/24 - 04/08/24	1	Pendaftaran Pelajar Baharu/ Aktiviti Suai Kenal		Politeknik • LI / WBL ** 14/15 Julai 2024 – 28/29 November 2024 (20 minggu)
04/08/24 - 14/09/24	05/08/24 - 15/09/24	6	Kuliah	• Hari Kebangsaan : 31/08/2024 (Sabtu)	
15/09/24 - 21/09/24	16/09/24 - 22/09/24	1	Cuti Pertengahan Semester	• Maulidur Rasul : 16/09/24 (Isnin) • Hari Malaysia : 16/09/24 (Isnin)	• Penilaian LI (Kejuruteraan sahaja) 01/02 Disember 2024 – 12/13 Disember 2024 (2 minggu)
22/09/24 - 16/11/24	23/09/24 - 17/11/24	8	Kuliah	• Hari Deepavali: 31/10/24 (Khamis) - kecuali Negeri Sarawak	
17/11/24 - 22/11/24	18/11/24 - 22/11/24	1	Minggu Ulang Kaji		Kolej Komuniti • LI / WBL ** 28/29 Julai 2024 – 14/15 November 2024 (16 minggu)
23/11/24 - 15/12/24	23/11/24 - 15/12/24	3	Peperiksaan Akhir Semester		
16/12/24 - 11/01/25	16/12/24 - 12/01/25	4	Cuti Akhir Semester	• Hari Krismas : 25/12/24 (Rabu) • Tahun Baru : 01/01/25 (Rabu)	• Penilaian LI 17/18 November 2024 – 28/29 November 2024 (2 minggu)
SESI II : 2024/2025					
05/01/25 - 11/01/25	06/01/25 - 12/01/25	1	Pendaftaran Pelajar Baharu/ Aktiviti Suai Kenal		Politeknik • LI / WBL ** 05/06 Januari 2025 – 22/23 Mei 2025 (20 minggu)
12/01/25 - 15/02/25	13/01/25 - 16/02/25	5	Kuliah	• Tahun Baru Cina : 29 & 30 /01/25 (Rabu & Khamis)	
16/02/25 - 22/02/25	17/02/25 - 23/02/25	1	Cuti Pertengahan Semester		• Penilaian LI (Kejuruteraan sahaja) 25/26 Mei 2025 – 05/06 Jun 2025 (2 minggu)
23/02/25 - 29/03/25	24/02/25 - 30/03/25	5	Kuliah		
30/03/25 - 05/04/25	31/03/25 - 06/04/25	1	Cuti Perayaan	• Hari Raya Aidilfitri : 31/03/25 & 01/04/25 (Isnin & Selasa)	Kolej Komuniti • LI / WBL ** 05/06 Januari 2025 – 24/25 April 2025 (16 minggu)
06/04/25 - 03/05/25	07/04/25 - 04/05/25	4	Kuliah	• Hari Pekerja : 01/05/25 (Khamis)	
04/05/25 - 09/05/25	05/05/25 - 09/05/25	1	Minggu Ulang Kaji		
10/05/25 - 01/06/25	10/05/25 - 01/06/25	3	Peperiksaan Akhir Semester	• Hari Wesak : 12/05/25 (Isnin)	• Penilaian LI 27/28 April 2025 – 08/09 Mei 2025 (2 minggu)
02/06/25 - 02/08/25	02/06/25 - 03/08/25	9	Cuti Akhir Semester/ ***Semester Pendek	• Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong : 02/06/25 (Isnin) • Hari Raya Aidiladha : 06/06/25 (Jumaat) • Awal Muharram : 27/06/25 (Jumaat)	
SESI I : 2025/2026					
27/07/25 - 02/08/25	28/07/25 - 03/08/25	1	Pendaftaran Pelajar Baharu/ Aktiviti Suai Kenal		

*INSTITUSI A - Politeknik dan Kolej Komuniti di Negeri Kedah, Johor, Kelantan dan Terengganu
 *INSTITUSI B - Politeknik dan Kolej Komuniti di Negeri Perlis, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang, Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
 **Tertakluk kepada hari bekerja industri.
 ***Pelaksanaan Semester Pendek bergantung kepada institusi.
 (Kuliah semester pendek bermula pada 02 Jun 2025)

Diluluskan oleh :

(Dr. Haji Mohd Zahari bin Ismail)
 Ketua Pengarah
 Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti
 Kementerian Pendidikan Tinggi
 Tarikh : 8/2/24

Lampiran 4

TAKWIM PdP INSTITUSI

TAKWIM PdP POLITEKNIK/KOLEJ KOMUNITI
SESI PENGAJIAN : _____

MINGGU PERKULIAHAN	TARIKH (ISNIN-AHAD)	AKTIVITI*	CATATAN
PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU DAN MINGGU SUAI KENAL			
1			
2			
3			
4			
5			
6			
7			
CUTI PERTENGAHAN SEMESTER			
8			
9			
10			
11			
12			
13			
14			
CUTI AKHIR SEMESTER			

Disediakan oleh :

Disahkan oleh :

.....
Tarikh :

.....
Pengarah/ TP(A)/TP
Tarikh :

* tertakluk pada pelaksanaan program di setiap politeknik/kolej komuniti

2.3.3 Jadual Waktu Pensyarah

- a. Jadual waktu pensyarah disediakan oleh Penyelaras Jadual Waktu Jabatan dan disahkan oleh TPA/TP berdasarkan agihan kursus yang telah dirancang oleh KPro/KK.
- b. Jadual waktu pensyarah mengandungi maklumat Hari, Masa, Kursus, Nama Pensyarah Kursus, serta lokasi seperti Bengkel/ Makmal/ Dewan/ Bilik Kuliah untuk semua pensyarah.
- c. Lain-lain jadual waktu yang perlu disediakan tetapi tidak disenaraikan dalam FRP adalah seperti berikut:
 - i. Jadual Waktu Kelas
Jadual waktu yang mengandungi maklumat Hari, Masa, Kursus, Nama Pensyarah Kursus, serta lokasi seperti Bengkel/ Makmal/ Dewan/ Bilik Kuliah untuk semua kelas.
 - ii. Jadual Waktu Bilik Kuliah/ Makmal/ Bengkel
Jadual waktu yang mengandungi maklumat Hari, Masa, Kursus, Program, serta lokasi seperti Bengkel/ Makmal/ Dewan/ Bilik Kuliah bagi setiap Kuliah/ Makmal/ Bengkel.
- d. Jadual waktu pensyarah perlu disediakan sebelum sesi pengajian bermula.

Rujuk :

- **Lampiran 5i : Contoh Jadual Waktu Pensyarah**
- **Lampiran 5ii : Contoh Jadual Kelas**
- **Lampiran 5iii : Contoh Jadual Waktu Bilik Kuliah/ Makmal/ Bengkel)**

Lampiran 5i

CONTOH JADUAL WAKTU PENSYARAH

**JADUAL WAKTU PENSYARAH
POLITEKNIK XXX/ KOLEJ KOMUNITI XXX**

NAMA PENSYARAH :

SESI :

PROGRAM :

TARIKH KUATKUASA :

HARI / MASA	1 8.00 - 9.00	2 9.00 - 10.00	3 10.00 - 11.00	4 11.00 - 12.00	5 12.00 - 13.00	REHAT 13.00 - 14.00	6 14.00 - 15.00	7 15.00 - 16.00	8 16.00 - 17.00	9 17.00 - 18.00
ISNIN						REHAT				
SELASA										
RABU										
KHAMIS										
JUMAAT										

Timetable generated: xxxx

BIL	KURSUS	KOD	KELAS	JAM BERMINGGU
1				
2				
JUMLAH				

Disediakan Oleh :

Disemak Oleh :

Disahkan Oleh :

Tarikh :

Tarikh :

Tarikh :

Lampiran 5ii

CONTOH JADUAL WAKTU KELAS

INSTITUSI XXX
JABATAN XXX
SESI II 2024/2025

JADUAL WAKTU
EFFECTIVE DATE : XX JAN 2025

JADUAL WAKTU KELAS : D
DXX000

	1 <small>8:00 - 9:00</small>	2 <small>9:00 - 10:00</small>	BREAK <small>10:00 - 10:30</small>	3 <small>10:30 - 11:30</small>	4 <small>11:30 - 12:30</small>	5 <small>12:30 - 1:30</small>	L <small>1:30 - 2:30</small>	6 <small>2:30 - 3:30</small>	7 <small>3:30 - 4:30</small>	8 <small>4:30 - 5:30</small>	9 <small>5:30 - 6:30</small>
ISNIN			REHAT								
SELASA											
RABU											
KHAMIS											
JUMAAT											

Perkara	Pensyarah

.....

NAMA PENYELARAS JADUAL WAKTU
TARIKH :

.....

NAMA KETUA JABATAN
TARIKH :

Lampiran 5iii

CONTOH JADUAL WAKTU BILIK KULIAH / MAKMAL/ BENGKEL

INSTITUSI XXX
JABATAN XXX
SESI I 2024/2025
JADUAL WAKTU

JADUAL WAKTU KELAS :
TEMPAT : BILIK KULIAH XX

EFFECTIVE DATE : XX JAN 2025

APPENDIX 2

	1 <small>09.00-10.00</small>	2 <small>10.00-11.00</small>	BREAK <small>11.00-12.00</small>	3 <small>12.00-13.00</small>	4 <small>13.00-14.00</small>	5 <small>14.00-15.00</small>	L <small>15.00-16.00</small>	6 <small>16.00-17.00</small>	7 <small>17.00-18.00</small>	8 <small>18.00-19.00</small>	9 <small>19.00-20.00</small>
Isnin			REHAT								
Selasa											
Rabu											
Khamis											
Jumaat											

.....
NAMA PENYELARAS JADUAL WAKTU
TARIKH :

.....
NAMA KETUA JABATAN
TARIKH :

2.3.4 Maklumat Program

Maklumat program perlu dimuat naik dalam Modul iFRP/ Modul Dokumen PdP oleh PPQ sebelum sesi pengajian bermula. PPQ perlu memastikan bahawa maklumat program yang digunakan adalah dari versi terkini yang telah diedarkan oleh Bahagian Kurikulum, JPPKK.

2.3.5 Maklumat Kursus dan Dokumen yang berkaitan

Maklumat kursus dan dokumen yang berkaitan perlu disediakan dan dikemas kini oleh pensyarah sebelum serta sepanjang sesi pengajian. Perincian dokumen-dokumen tersebut adalah seperti di berikut:

2.3.5.1 Maklumat Kursus

Maklumat kursus merujuk kepada silibus versi terkini yang diedarkan oleh Bahagian Kurikulum, JPPKK. Semua maklumat kursus yang terlibat pada sesi pengajian perlu dimuat naik dalam Modul iFRP/Modul Dokumen PdP oleh PPQ sebelum sesi pengajian bermula.

2.3.5.2 Rancangan Mengajar

Rancangan mengajar disediakan bagi memudahkan pensyarah merancang dan melaksanakan PdP.

Rancangan mengajar perlu disediakan oleh pensyarah sebelum sesi pengajian bermula dan perlu dikemas kini sepanjang semester.

Rancangan mengajar mengandungi maklumat berikut:

- i. Minggu/tarikh kuliah
Maklumat mengenai Minggu dan Tarikh adalah mengikut ketetapan dalam Kalendar Akademik/Takwim PdP Institusi.

ii. Isi Kandungan

- Penulisan Isi Kandungan perlu merujuk kepada kurikulum kursus yang telah ditetapkan.
- Topik perlu dimasukkan ke dalam penulisan isi kandungan. Manakala *General Statement (GS)* dan *Specific Statement (SS)* yang terdapat dalam kurikulum kursus perlu diolah mengikut kesesuaian perancangan PdP. GS dan SS perlu dielakkan daripada disalin semula secara kata demi kata.

iii. CLO dan PLO

- Penulisan ketetapan CLO dan PLO perlu merujuk kepada Pemetaan Hubungan Hasil Pembelajaran Kursus (CLO) dengan Hasil Pembelajaran Program (PLO) dalam dokumen kurikulum.

iv. Aktiviti PdP

- Aktiviti PdP yang dirancang perlu selari dengan *teaching & learning strategies (T&L)* dalam kurikulum (maklumat kursus).
- Antara *T&L strategies* yang boleh digunakan adalah :
 - √ *Interactive lecture*
 - √ *E-Learning*
 - √ *Synchronous (online)*
 - √ *Asynchronous (online)*
 - √ *Face-to-face (f2f)*
 - √ *Hybrid (online + f2f)*

v. Pentaksiran

- Pentaksiran yang dirancang perlu selari dengan *Assessment Table* yang terdapat dalam kurikulum (maklumat kursus).
- Pensyarah tidak boleh mengubah suai pentaksiran (penilaian sumatif) yang telah dinyatakan dalam kurikulum (maklumat kursus).
- Pensyarah dikehendaki melaksanakan aktiviti Penilaian Formatif bagi mengesan penguasaan pelajar di akhir sesi pengajian untuk tujuan penambahbaikan PdP. Bentuk aktiviti penilaian formatif ini perlu dicatat dalam ruangan refleksi.

vi. Tarikh Pelaksanaan

- Penulisan Tarikh Pelaksanaan perlu merujuk kepada jadual waktu pensyarah.
- Tarikh Pelaksanaan perlu dikemas kini semasa pelaksanaan PdP.
- Sebarang perubahan Tarikh Pelaksanaan PdP, seperti kelas ganti perlu dinyatakan di bahagian ini.

vii. Refleksi

- Refleksi adalah rekod pemerhatian pensyarah terhadap kemajuan pembelajaran pelajar dalam mencapai hasil pembelajaran pada setiap sesi, serta catatan tindakan penambahbaikan yang boleh digunakan dalam sesi yang akan datang. Hasil daripada pemerhatian ini digunakan bagi membantu pensyarah menambahbaik pendekatan PdP.
- Ruang refleksi mengandungi 3 item iaitu :

A	NOTES	<ul style="list-style-type: none"> a) Kaedah PdP dan platform sebenar yang digunakan (<i>face-to-face, online synchronous via MsTeams/CIDOS/etc, online asynchronous via video</i>) b) <i>Briefing on safety</i> c) <i>Briefing on course outline</i> d) Lain-lain (contoh: pelaksanaan pentaksiran sumatif)
B	REFLECTION	<ul style="list-style-type: none"> a) <i>Lecture/Kuliah</i> b) <i>Formative Assessment/Pentaksiran Formatif</i> c) <i>Practical Work / Kerja Amali</i>
C	ANALYSIS & CQI <i>(berkaitan dengan penilaian sumatif)</i>	<ul style="list-style-type: none"> a) <i>Student CLO/PLO attainment in assessment task</i> b) CQI

- Kaedah penulisan refleksi merujuk kepada **Lampiran 6: Contoh Penulisan Refleksi**

Lampiran 6

CONTOH RANCANGAN MENGAJAR – PENULISAN REFLEKSI

RANCANGAN MENGAJAR							
NAMA PENSYARAH KURSUS :				SESI :			
JABATAN :				SEKSYEN :			
KOD & NAMA KURSUS :				KELAS :			
WEEK/DATE	TOPIC AND SUB TOPIC	CLO	PLO	TEACHING & LEARNING ACTIVITIES	ASSESSMENT	DATE OF IMPLEMENTATION	NOTES/REFLECTION/ANALYSIS & CQI
XX/XX/XX – XX/XX/XX	MINGGU TRANSFORMASI SISWA						
1 XXXXXX – XXXXXX	Briefing on Course Outline, PLO, CLO and Course Assessment Lecture: Topic 1: Introduction to Integrated Circuit (IC) 1. Integrated circuit - Definition of IC - Application of integrated circuit - Advantages of using integrated circuit over discrete components Practical: Briefing on Practical Works and Lab Safety (OSHA) Introduction to Microwind software	CLO 1	PLO 3	Online synchronous Session: Interactive lecture (2 hours)	None	09/03/2022 (4 Hours)	<p>Notes</p> <ul style="list-style-type: none"> - Briefing on Course Outline, PLO, CLO and Course Assessment. - Briefing on OSHA for practical work and lab safety. - Online synchronous session via MsTeams/CIDOS/etc, hybrid
		CLO2	PLO5	Online synchronous Session: Practical work activity (2 hours)			<p>Reflection</p> <p>a) Lecture The students fully understand the theory of integrated circuit and its evolution.</p> <p>b) Formative Assessment Kahoot – 28/30 – PASSED (93.33%)</p> <p>CQI : Students who have not yet mastered the topic, they will be assessed again in the next class before moving on to the next topic or subtopic. This is to ensure that all students have fully understood the material.</p> <p>c) Practical Work Students able to use and navigate using the Microwind software</p>
<p>Analysis & CQI</p> <p>CLO1/PLO3 attainment (Quiz 1) – 85 %, target >=50% is achieved.</p> <p>CLO2/PLO5 attainment (PW1) – 49%, target >=50% not achieved.</p> <p>CQI – Since only 50% of the students submitted PW1 report and PS Rubric, the submission date is extended until next week.</p>							

2.3.6 Rekod Kehadiran Pelajar

Kehadiran pelajar untuk setiap kursus perlu direkodkan dalam Rekod Kehadiran Pelajar. Rujuk **Lampiran 7 : Contoh Rekod Kehadiran Pelajar**. Rekod kehadiran pelajar mengandungi seperti perkara-perkara berikut:

- a. Maklumat Kelas
- b. No. Pendaftaran
- c. Nama Pelajar
- d. Tarikh Pertemuan
- e. Jam Pertemuan
- f. Status Kehadiran

2.3.7 Dokumen Ketidakhadiran Pelajar

- a. Dokumen ketidakhadiran pelajar disediakan sebagai bukti ketidakhadiran pelajar bagi kelas semasa. Contoh dokumen ketidakhadiran pelajar adalah **Surat/Memo Kebenaran Pengarah** atau **Sijil Cuti Sakit**.
- b. Dokumen ketidakhadiran pelajar terbahagi kepada dua kategori:
 - i. **Ketidakhadiran yang dirancang**

Pelajar perlu membuat permohonan kepada pensyarah akademik dengan mengemukakan dokumen sokongan selewat-lewatnya tiga hari sebelum tarikh ketidakhadiran tersebut.

ii. **Ketidakhadiran yang tidak dirancang**

Ketidakhadiran yang tidak dirancang adalah seperti berikut:

- Disahkan sakit oleh pegawai perubatan kerajaan atau swasta;
- Menghadapi kes-kes kecemasan seperti kes kematian keluarga terdekat, kemalangan, bencana alam atau kebakaran dengan pengesahan dari pihak berkuasa ; atau
- Berurusan man-mana perkara undang-undang dengan pengesahan dari pihak berkuasa ; atau
- Menyertai aktiviti yang diluluskan oleh Pengarah dengan mengemukakan surat pengesahan daripada pihak penganjur;

c. Cuti pelajar samada yang dirancang atau tidak dirancang **ADALAH DIAMBILKIRA SEBAGAI TIDAK HADIR** dalam pengiraan ketidakhadiran.

d. Walau bagaimanapun kelayakan untuk menduduki peperiksaan akhir adalah merujuk kepada arahan peperiksaan dan kaedah penilaian yang sedang berkuatkuasa.

Lampiran 7

CONTOH REKOD KEHADIRAN PELAJAR

**REKOD KEHADIRAN PELAJAR
POLITEKNIK / KOLEJ KOMUNITI**

SESI :
KOD & NAMA :
KELAS / SEKSYEN :
NAMA :

BIL	NO. PENDAFTARAN	NAMA PELAJAR	KELAS	M1	M2	M3	M4	M5	M6	M7	M8	M9	M10	M11	M12	M13	M14	M15	M16	JUMLAH JAM PdP				SURAT PERINGATAN/ SURAT TUNJUK SEBAB
				TARIKH																JUMLAH JAM HADIR	JUMLAH JAM TERKUMPUL	JUMLAH JAM TIDAK HADIR	PERATUS KEHADIRAN	
				JAM PERTEMUAN																				
1																								
2																								
3																								
4																								
5																								
6																								
7																								
8																								
9																								
10																								
11																								
12																								
13																								
14																								
15																								
16																								
17																								
18																								
19																								
20																								
21																								
22																								
23																								
24																								
25																								
26																								
27																								
28																								
29																								
30																								

Disediakan oleh : _____ Disahkan oleh : _____

(_____) (_____)
Tarikh : _____ Tarikh : _____

2.3.8 Surat Peringatan Ketidakhadiran

Surat Peringatan Ketidakhadiran pelajar disediakan sebagai peringatan kepada pelajar mengenai jumlah jam pertemuan yang tidak dihadiri sehingga tarikh surat tersebut dikeluarkan. Surat Peringatan Ketidakhadiran dikeluarkan mengikut ketetapan berikut:

- i. Surat Peringatan Ketidakhadiran dikeluarkan sekiranya peratus kehadiran pelajar kurang 90% daripada jumlah jam pertemuan yang tidak dihadiri sehingga tarikh surat tersebut dikeluarkan.

Rujuk **Lampiran 8 : Contoh Surat Peringatan Ketidakhadiran.**

- ii. Borang Pemantauan Kehadiran Kuliah/Tutorial/Amali dikeluarkan kepada pelajar yang kehadiran kurang daripada 80%, bagi kursus yang mempunyai peperiksaan akhir semester.

Rujuk **Lampiran 9 : Contoh Borang Pemantau Kehadiran Kuliah/Tutorial/Amali kurang 80%.**

- iii. Surat Tunjuk Sebab Ketidakhadiran dan Borang Jawapan Tunjuk Sebab dikeluarkan sekiranya kehadiran pelajar kurang daripada 80%.

(Maklumat terperinci mengenai perkara ini boleh dirujuk dalam Arahan-Arahan Peperiksaan dan Kaedah Penilaian yang sedang berkuatkuasa).

Rujuk **Lampiran 10 : Contoh Surat Tunjuk Sebab Ketidakhadiran dan Borang Tunjuk Sebab.**

CONTOH SURAT PERINGATAN KETIDAKHADIRAN

No. Rujukan Institusi : *(mengikut ketetapan institusi)*

Tarikh :

Kepada

Nama Pelajar :

No. Pendaftaran :

Kelas :

SURAT PERINGATAN KETIDAKHADIRAN

Adalah saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Merujuk Rekod Kehadiran Pelajar sesi _____ bagi kursus _____ didapati kehadiran anda setakat ini adalah tidak menepati keperluan minima seperti yang ditetapkan di dalam Arahan-arahan Peperiksaan Dan Kaedah Penilaian yang sedang berkuatkuasa. Berikut merupakan butiran ketidakhadiran pelajar:

TARIKH	MASA/ TEMPOH (JAM)
23/03/2023	CONTOH: 08.00 – 10.00 PG (2 JAM)

2. Anda dinasihatkan menghadiri sesi pembelajaran dan pengajaran kursus tersebut supaya tidak menjejaskan kelayakan anda untuk menduduki peperiksaan akhir semester/dimansuhkan markah pentaksiran berterusan/pentaksiran kerja kursus.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

()

Pensyarah Kursus

b.p. Ketua Jabatan/ Timbalan Pengarah (Akademik)

Politeknik xxxx/ Kolej Komuniti xxxx

s.k.

1. Pensyarah Kursus
2. Penjaga Pelajar
3. Penasihat Akademik (.....)
4. Pegawai Pembangunan Pelajar

Lampiran 9

**CONTOH BORANG PEMANTAU KEHADIRAN
KULIAH/ TUTORIAL/ AMALI KURANG 80%**

BORANG PEMANTAU KEHADIRAN KULIAH/TUTORIAL/AMALI KURANG 80%

Nama Pensyarah Kursus : _____
Kursus : _____
Jabatan / Unit : _____
Sesi Semasa : _____

Bil	Kelas	No. Pendaftaran	Nama Pelajar	Peratus	Tarikh	
					90%	80%

Disahkan Oleh : _____

.....
(NAMA DAN TANDATANGAN PENSYARAH KURSUS)
Tarikh : _____

CONTOH SURAT TUNJUK SEBAB KETIDAKHADIRAN

No. Rujukan Institusi : *(mengikut ketetapan institusi)*

Tarikh :

Kepada

Nama Pelajar :

No. Pendaftaran :

Kelas :

SURAT TUNJUK SEBAB KETIDAKHADIRAN

Adalah saya diarah merujuk perkara di atas.

2. Merujuk Rekod Kehadiran Pelajar sesi _____ bagi kursus _____ didapati kehadiran anda setakat ini adalah tidak menepati keperluan minima seperti yang ditetapkan di dalam Arahan-arahan Peperiksaan Dan Kaedah Penilaian yang sedang berkuatkuasa. Berikut merupakan butiran ketidakhadiran pelajar:

TARIKH	MASA/ TEMPOH (JAM)
24/04/2024	CONTOH: 02.00 – 4.00 PTG (2 JAM)

2. Sehubungan dengan itu, bersama surat ini disertakan **Borang Jawapan Tunjuk Sebab (BJTS)**. Sila lengkapkan maklumat dalam BJTS dan hantar segera kepada Ketua Jabatan/ Timbalan Pengarah (Akademik) dalam tempoh TIGA (3) hari bekerja dari tarikh surat ini diterima. Jika BJTS tidak dikemukakan, anda dianggap tidak hadir tanpa sebab dan anda boleh ditahan daripada menduduki peperiksaan akhir semester/ dimansuhkan markah pentaksiran berterusan/ pentaksiran kerja kursus.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

(
Timbalan Pengarah (Akademik) / Ketua Jabatan
b.p Pengarah
Politeknik XXX / Kolej Komuniti XXX

s.k.

1. Pensyarah Kursus
2. Penjaga Pelajar
3. Penasihat Akademik (.....)
4. Pegawai Pembangunan Pelajar

CONTOH BORANG JAWAPAN TUNJUK SEBAB

Arahan kepada pelajar	Sila isi butiran yang diperlukan di bawah, dan hantar semula kepada Ketua Jabatan/ Timbalan Pengarah (Akademik) dalam tempoh 3 hari bekerja selepas mendapat surat ini. Harap maklum.		
TARIKH : KEPADA : Ketua Jabatan/ Timbalan Pengarah (Akademik) Politeknik xxxx/ Kolej Komuniti xxxx Kementerian Pendidikan Tinggi			
A. Maklumat Pelajar			
Nama Pelajar : No Pendaftaran : Program & Semester :			
B. Maklumat Waris (Ibu/ Bapa/ Penjaga)			
	Nama Waris :		
	Alamat :	No Tel Bimbit :	
		No Tel Rumah :	
C. Maklumat Ketidakhadiran			
Kod & Nama Kursus : Pensyarah Kursus :			
Alasan tidak hadir :		Peratus kehadiran :	
1			
2			
3			
D. Pengakuan Pelajar			
Saya mengaku bahawa butir – butir di atas adalah benar. Tandatangan <div style="text-align: right; margin-top: 20px;">Tarikh :</div>			
E. Untuk Kegunaan TP(A) / KJ			
Tarikh Terima Surat			
Ulasan KJ/ TP(A)			
Tandatangan & Cop			
s.k. 1. TP(A) / KJ 2. Penasihat Akademik 3. Pensyarah Kursus 4. Pegawai Pembangunan Pelajar			

2.3.9 Jadual Kerja Bengkel/Makmal/Kerja Luar

Jadual kerja bengkel/makmal/kerja luar disediakan untuk membantu pensyarah dalam membuat agihan kumpulan pelajar semasa pelaksanaan aktiviti PdP secara praktikal. (Maklumat terperinci mengenai perkara ini perlu disediakan mengikut keperluan dan kesesuaian di institusi masing-masing). Rujuk **Lampiran 11: Jadual Kerja Bengkel/Makmal/Kerja Luar.**

JADUAL KERJA BENGKEL/MAKMAL/KERJA LUAR

JADUAL KERJA BENGKEL/ MAKMAL/KERJA LUAR

SESI :

PROGRAM		KOD KURSUS	
KELAS/ SEKSYEN		NAMA KURSUS	
NAMA PENSYARAH	1. 2.		

A. KUMPULAN PELAJAR

KUMPULAN A			KUMPULAN B		
BIL.	NO. PENDAFTARAN	NAMA PELAJAR	BIL.	NO. PENDAFTARAN	NAMA PELAJAR
1			1		
2			2		
3			3		

KUMPULAN C			KUMPULAN D		
BIL.	NO. PENDAFTARAN	NAMA PELAJAR	BIL.	NO. PENDAFTARAN	NAMA PELAJAR
1			1		
2			2		
3			3		

B. AGIHAN KUMPULAN

BIL	TAJUK AMALI / BENGKEL / KERJA LUAR	MINGGU PELAKSANAAN														
		1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15
1.																
2.																
3.																
4.																
5.																

.....
Tandatangan Pensyarah Kursus
Tarikh :

PENYEDIAAN
FAIL PENYELARAS
KURSUS (FPK)


3.0 PENYEDIAAN FAIL PENYELARAS KURSUS (FPK)

3.1 TUJUAN PENYEDIAAN FPK

- 3.1.1 Memastikan pelaksanaan setiap kursus dibuat dengan terancang, berstruktur dan berkualiti.
